



## **TEKS UCAPAN**

**YAB MENTERI BESAR  
NEGERI SEMBILAN**

**SEMPENA**

**PERSIDANGAN KETIGA (BELANJAWAN)  
PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
YANG KE-14**

**DI DEWAN UNDANGAN NEGERI,  
NEGERI SEMBILAN**

**PADA:  
27 November 2020**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bertajuk **“Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2021 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu”** dibacakan bagi kali kedua.

**MUKADIMAH**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

1. Segala puji bagi Allah, Tuhan Tuan Punya seluruh alam. Dia lah Pemilik ke atas Negeri ini dan Penyedia segala sumber yang Maha Kaya, Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan yang paling disayangi Nabi Muhammad SAW yang diutuskan untuk membawa rahmat ke seluruh alam. Pada diri Bagindalah terhimpun seluruh bentuk kebaikan yang seharusnya menjadi contoh ikutan, semoga dengannya berolehlah syafaat Rasulullah SAW buat kita semua di padang mahsyar nanti, insya Allah.
  
2. Allah mengurniakan kepada kita Negeri Sembilan yang indah, unik dan kaya dengan pelbagai hasil mahsul. Kita semua adalah petugas yang diamanahkan-Nya untuk menjaga, membangunkan dan memajukan negeri ini.

Allah berpesan dalam Al-Qu'ran, ayat 61 surah Hud, antaranya bermaksud; *“Dialah yang membuat kamu hidup di dunia ini dan menyuruh kamu memakmurkan Negeri ini, kemudian istighfarlah kamu kepadaNYA dan bertaubatlah kamu kepadaNYA. Sesungguhnya Tuhanmu Maha Penyayang dan Penuh Kecintaan”*.

3. Di kesempatan ini, izinkan saya mengajak sidang Dewan yang mulia ini untuk merenung firman Allah SWT dalam surah **Al-Ankabut ayat 2 hingga 3** yang bermaksud “**Apakah manusia mengira bahawa mereka akan dibiarkan saja berkata, kami telah beriman, sedang mereka belum diuji?**”. Ayat ini dengan jelas menerangkan kepada kita betapa manusia itu tidak akan sesekali dibiarkan begitu sahaja mengaku beriman tanpa terlebih dahulu diuji oleh Allah SWT, pemilik sekalian alam.
4. Demikianlah ujian yang sedang melanda seluruh dunia ketika ini iaitu pandemik COVID-19 yang telah pun menjangkiti **59 juta** penduduk dunia dan mengorbankan seramai **1.4 juta** orang pesakit termasuklah di Malaysia. Pandemik ini bukan sahaja mengancam keselamatan nyawa jutaan penduduk dunia, tetapi telah mengakibatkan keseluruhan sektor ekonomi menjadi lumpuh dan terjejas teruk akibat dari perintah kawalan pergerakan yang terpaksa diambil oleh hampir kesemua negara bagi mengekang penularan wabak ini, tidak terkecuali negara kita Malaysia.

5. Di saat ini, saya teringat kepada firman Allah SWT dalam Surah Yusuf : 47

قَالَ تَزَرَّعُونَ سَبَعَ سِنِينَ دَأْبًا فَمَا حَصَدْتُمْ فَذَرُوهُ فِي سُنْبُلِهِ إِلَّا قَلِيلًا مِّمَّا تَأْكُلُونَ

yang bermaksud: “Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan ditangkainya kecuali sedikit untuk kamu makan.”

Nabi Yusuf عليه السلام memberikan jalan penyelesaian kepada Raja Mesir untuk mengambil peluang bercucuk tanam selama tujuh tahun berturut-turut tanpa berhenti dan gandum yang dituai selama 7 tahun pertama itu jangan dicabut tangkainya iaitu jangan relaikan. Biarkan dan simpan di gudang dengan tangkainya sekali sebagai persediaan untuk menghadapi 7 tahun kemarau yang mendatang.

6. Ayat ini dengan jelas memberi peringatan dan pendidikan dalam mengajar manusia supaya sentiasa berjimat cermat sewaktu senang agar dapat berbelanja sewaktu ditimpa kesusahan. Sebagaimana yang telah saya bentangkan sewaktu sidang Dewan Rang Undang-undang Bekalan Tambahan pada 3 September 2020 yang lalu, hasil kewangan Negeri pada tahun 2019 telah mencatat jumlah tertinggi dalam sejarah pentadbiran Negeri Sembilan iaitu **RM557 juta** dengan surplus berjumlah **RM147 juta**.

7. Keseluruhan sektor ekonomi sedang berhadapan dengan keadaan yang amat sukar terutamanya sektor perhotelan, pengangkutan awam, pembangunan harta tanah, pelancongan, perkhidmatan dan pembuatan.

Scenario ini pastinya memberikan kesan langsung kepada hasil negeri terutamanya Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai. Namun, alhamdulillah, menerusi dasar pengurusan kewangan yang cekap, berhemah dan berintegriti, Kerajaan Negeri masih mampu menyerap kesan kemerosotan hasil tersebut tanpa mengurangkan sedikit pun agenda pembangunan kesejahteraan rakyat. Ini membuktikan, tema Belanjawan tahun 2020 iaitu **Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat**, benar-benar tepat dan berkesan apabila kedudukan kewangan negeri kekal rentan dan lestari walaupun sedang berhadapan dengan cabaran yang tidak pernah dihadapi sebelum ini.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

8. Pembentangan Belanjawan ini merupakan tahun ketiga saya, dalam menggalas tanggungjawab untuk mempastikan Negeri Sembilan terus dipacu ke laluan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan tema Belanjawan Tahun 2021 ini adalah:

**“Merangsang Ekonomi,  
Memperkasa Rakyat”**

## **SENARIO EKONOMI NEGARA**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

9. Persekitaran ekonomi global pada tahun 2020 ini amat menggerunkan dengan menyaksikan penguncutan ekonomi yang sangat ketara dalam semua sektor akibat dari pandemik COVID-19 ini.

10. Dunia sedang menghadapi situasi ***the great lockdown*** akibat dari ekonomi yang meleset dengan kadar penguncutan **0.3 peratus** iaitu lebih rendah dari kadar pertumbuhan ekonomi semasa zaman ***the great depression*** tahun 1930 iaitu **0.1 peratus**. Jumlah kehilangan yang bakal dilaporkan kesan dari situasi di atas berjumlah **USD9 trillion** bersamaan **RM38 trillion**.

11. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam Laporan Ekonomi Dunia bulan Oktober, telah mengunjurkan ekonomi dunia tahun 2020 menguncup 4.4 peratus. IMF juga mengunjurkan ekonomi bagi negara rantau ASEAN-5 menguncup dengan lebih perlahan iaitu 3.4 peratus.

12. Pada 14 Ogos 2020 yang lalu, Menteri Kewangan Malaysia mengumumkan penguncutan ekonomi negara sebanyak **17.1 peratus** pada suku kedua, iaitu penguncutan terendah negara, mengatasi paras terendah -11.2 peratus pada suku kedua 1998 semasa Krisis Kewangan Asia. Penguncutan pertumbuhan KDNK ini telah dijangka akibat dari penutupan sempadan antarabangsa dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

## **SENARIO EKONOMI NEGERI SEMBILAN**

13. Pertumbuhan ekonomi yang direkodkan oleh Negeri Sembilan pada tahun 2019 amat memberangsangkan iaitu pada kadar **5.1 peratus** berbanding kadar nasional iaitu 4.3 peratus pada tahun yang sama. Negeri Sembilan merupakan antara empat (4) buah negeri yang melepas pertumbuhan nasional pada tahun tersebut.

14. **Sektor perkhidmatan** terus kekal memacu perkembangan ekonomi negeri dengan sumbangan terbesar sebanyak **50.1 peratus** atau **RM24 bilion** kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Manakala **sektor pembuatan** menyumbang sebanyak **RM17.64 bilion** atau **36.7 peratus** dan sektor pertanian **RM3.56 bilion** atau **7.4 peratus**.

### **Pelaburan di Negeri Sembilan Tahun 2020**

15. Alhamdulillah, di sebalik pertumbuhan ekonomi nasional yang suram, Negeri Sembilan masih berupaya menarik sejumlah pelaburan yang memberangsangkan. Sehingga suku ketiga tahun 2020, sejumlah **RM2.3 bilion** nilai pelaburan telah **diluluskan oleh Malaysia Investment Development Authority (MIDA)**, manakala RM1.4 bilion dalam peringkat kelulusan. Ini menjadikan unjuran pelaburan di Negeri Sembilan sehingga penghujung tahun 2020 adalah sebanyak **RM3.7 bilion** berbanding sasaran **RM1.0 bilion**. Ini merupakan satu perkembangan yang sangat positif serta menjadi bukti bahawa dalam keadaan persekitaran yang tidak menentu ini, Negeri Sembilan masih menjadi pilihan yang terbaik kepada pelabur domestik dan luar negara.

16. Namun begitu, usaha-usaha perlu terus dilipat gandakan supaya ekonomi Negeri Sembilan sentiasa lestari dan rentan, walaupun berhadapan dengan persekitaran yang tidak menentu.

17. Sebagai usaha yang berterusan, Kerajaan akan melancarkan **Invest NS 2021** bertujuan untuk mempromosi dan menarik lebih ramai pelabur domestik dan luar negara datang ke negeri ini.

## **Kadar Pengangguran**

18. Berdasarkan laporan **Statistik Utama Tenaga Buruh Malaysia pada Suku Tahun Kedua**, kadar pengangguran di negeri ini telah meningkat kepada **3.5 peratus** berbanding 3.1 peratus pada tahun 2019. Namun, ianya masih rendah berbanding peratus nasional iaitu 5.1 peratus.
19. Sehingga penghujung Oktober 2020, seramai **1,143 orang** pekerja telah diberhentikan oleh 104 buah majikan, yang terdiri dari 977 orang pekerja tempatan dan 166 orang pekerja asing. Sektor pembuatan merupakan sektor yang tertinggi memberhentikan pekerja seramai 483 orang, diikuti sektor perkhidmatan seramai 291 orang dan sektor peruncitan seramai 104 orang pekerja.

## **Kadar Kemiskinan**

20. Pada tahun 2019, nilai had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah disemak semula berdasarkan *cost of basic needs* dengan mengambilkira keperluan optimum dan pemakanan yang sihat bagi setiap ahli isi rumah. Berdasarkan metodologi 2019 ini, nilai purata PGK di Negeri Sembilan telah meningkat menjadi **RM2,088 sebulan** berbanding PGK 2016 iaitu RM1,972 sebulan.
21. Pengenalan had PGK yang baharu, menyebabkan jumlah Ketua Isi Rumah (KIR) kategori miskin bertambah kepada **11,605 orang** atau 4.3 peratus berbanding hanya 2,237 orang atau 0.2 peratus sebelumnya.

## **PRESTASI BELANJAWAN 2020**

### **IMPAK COVID-19**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

22. Sesungguhnya pandemik COVID-19 benar-benar memberikan kesan yang amat mendalam, bukan sahaja terhadap pertumbuhan sektor ekonomi malah telah mengubah norma kehidupan manusia. Rutin kehidupan harian telah berubah sama sekali dengan tuntutan untuk mematuhi pelbagai bentuk *Standard Operating Procedure (SOP)* sebagai norma baharu kehidupan.
23. YAB Perdana Menteri semasa perutusan Hari Pekerja pada 1 Mei 2020 yang lalu telah menyatakan ekonomi negara mengalami kerugian sebanyak **RM2.4 bilion setiap hari** sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
24. Hasil usaha yang berterusan oleh barisan hadapan, kita telah berjaya melandaikan keluk COVID-19 dengan jumlah kes positif yang berkurangan setiap hari malah pernah merekodkan **sifar kes pada 1 Julai 2020**.
25. Namun, benarlah firman Allah SWT dalam surah **Ar-Rum ayat 64**, **“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia”**. Di saat negara sedang memasuki fasa pemulihan ekonomi,

masih terdapat segelintir pemimpin politik yang terlalu rakus dan tamakkan kuasa sehingga sanggup berusaha untuk menjatuhkan Kerajaan yang sah yang telah dipilih secara demokrasi oleh rakyat melalui pilihanraya umum. Kerakusan ahli-ahli politik untuk melakukan kudita dan membentuk Kerajaan pintu belakang akhirnya mendorong berlakunya pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah pada 30 Julai 2020 lalu.

26. Tidak boleh dinafikan, pilihanraya negeri Sabah yang terpaksa diadakan pada 26 September 2020, telah menjadi salah satu penyebab berlakunya gelombang ketiga COVID-19 di negara ini.

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

27. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri telah membentangkan Belanjawan berimbang dengan mensasarkan hasil sebanyak RM457 juta iaitu unjuran kenaikan sebanyak RM27 juta berbanding Belanjawan 2019. Unjuran ini sememangnya realistik dan boleh dicapai sekiranya kutipan hasil bukan cukai sebanyak RM242.7 juta dapat dikutip seperti sasaran. Namun begitu, umpama kata pujangga, ***kiranya panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari.*** Momentum rancak hasil negeri seperti yang disasarkan dalam Belanjawan Negeri Sembilan Tahun 2020 telah sedikit terjejas akibat dari pandemik COVID-19 ini.

28. Untuk makluman sidang dewan yang mulia, sehingga 31 Oktober 2020, jumlah hasil negeri yang telah dikutip adalah sebanyak **RM361 juta** berbanding **RM405 juta** dalam tempoh yang sama pada tahun 2019.

Jurang hasil sebanyak RM44 juta ini, sebahagian besarnya adalah berpunca dari penyusutan hasil bukan cukai seperti bayaran premium. Terdapat sejumlah projek pembangunan harta tanah yang telah diluluskan tukar syarat tanah dan kebenaran merancang, terpaksa dibatal atau ditangguhkan.

29. Sungguhpun hasil negeri bagi tahun ini mengalami sedikit kemerosotan berbanding tahun 2019, namun, kedudukan rezab Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri masih lagi kukuh. Sehingga 31 Oktober 2020, jumlah rezab Kerajaan Negeri adalah berjumlah **RM1.02 bilion** yang terdiri dari Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM502.06 juta dan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM500.62 juta.

30. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua pejabat pemungut hasil amnya dan Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan Negeri khususnya, yang tanpa mengenal penat lelah dan putus asa, tetap berusaha bertungkus lumus untuk mengurangkan jurang perbezaan hasil tersebut.

31. Pelbagai inisiatif dan strategi baharu telah dan sedang dilaksanakan bagi mencapai sasaran Belanjawan sebanyak RM457 juta. Kesannya, jurang hasil telah berjaya dikurangkan dari **RM 101 juta pada bulan Mei kepada hanya RM44 juta pada bulan Oktober 2020.**

32. Alhamdulillah, sehingga 31 Oktober 2020, jumlah cukai semasa yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM122.01 juta iaitu 94.5 peratus**

berbanding sasaran Belanjawan manakala tunggakan cukai tanah yang berjaya dikutip pula adalah sebanyak RM10.12 juta atau 67.9 peratus.

33. Secara keseluruhannya, sebanyak **6 daerah** telah pun berjaya mengutip hasil **melebihi 100 peratus** dari anggaran Belanjawan. Tahniah dan syabas saya ucapkan!

## **STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN BELANJAWAN 2021**

Bagi mempastikan agenda **“Merangsang Ekonomi, Memperkasa Rakyat”** ini benar-benar dapat direalisasikan, sukacita saya menggariskan **Empat (4) Strategi** untuk Belanjawan 2021.

### **Strategi Pertama (S1): Merangsang Ekonomi Rakyat**

Dalam cabaran ekonomi pada masa kini, Kerajaan Negeri sedar betapa pentingnya untuk mempastikan kegiatan ekonomi terus dijana dan berlangsung dengan sebaik mungkin kerana ianya memberi impak langsung kepada pendapatan rakyat. Sehubungan dengan itu, tumpuan akan diberikan kepada keusahawanan rakyat, pengukuhan pelaburan dengan sinergi awam dan swasta serta memperkasa rantai pengeluaran pertanian.

### **Strategi Kedua (S2): Mewujudkan Persekutaran Sejahtera Ke Arah Kehidupan Berkualiti**

Rakyat merupakan aset yang paling berharga untuk negeri ini. Saya yakin ramai rakyat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 ini dari segi kewangan, kebajikan dan kesihatan. Oleh itu, keutamaan akan diberikan

kepada kebajikan rakyat, pengukuhan perpaduan masyarakat dan menambahbaik fasiliti dan kemudahan rakyat.

### **Strategi Ketiga (S3): Membentuk Citra Sumber Daya Insan Unggul**

Pembentukan sumber daya insan berkualiti melalui pendidikan dan kemahiran akan menjamin masa depan yang lebih baik. Persekutaran budaya ilmu hendaklah diperkuuh dan fasiliti pendidikan yang tersedia perlu dipastikan dalam keadaan baik agar dapat membentuk insan yang unggul.

### **Strategi Keempat (4): Mengaplikasi Perkembangan Digital Dalam Tadbir Urus**

Situasi pandemik telah membuka mata semua pihak akan kepentingan penggunaan teknologi digital dalam penawaran perkhidmatan Kerajaan. Penggunaan teknologi ini akan dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mampu memperkuuh kedudukan kewangan Kerajaan.

Kesemua strategi yang digariskan ini akan dilaksanakan melalui **Lapan (8) Bidang Tumpuan** dan dizahirkan dengan **53 Initiatif Belanjawan 2021**.

## **PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN**

### **Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

34. Sebagai tindakbalas segera terhadap pandemik COVID-19, Kerajaan Negeri telah pun membentangkan **Rang Undang-undang**

**Bekalan Tambahan 2020 berjumlah RM50 juta pada 3 September 2020** yang lalu. Belanjawan tambahan tersebut menjadikan peruntukan keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2020 ini sebanyak **RM507 juta**. Peruntukan tambahan tersebut sebahagiannya digunakan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kebajikan bagi membantu rakyat yang terkesan semasa gelombang pertama dan kedua pandemik COVID-19.

35. Sehingga 31 Oktober 2020, prestasi perbelanjaan mengurus termasuk tanggungan adalah sebanyak **RM383.54 juta (75.65 peratus)** manakala prestasi perbelanjaan pembangunan termasuk tanggungan pula adalah sebanyak **RM81.54 juta (80.57 peratus)**.

36. Adalah diunjurkan, prestasi perbelanjaan mengurus sehingga hujung tahun 2020 adalah sebanyak **RM483.32 juta** atau bersamaan **95.33 peratus**; manakala peruntukan pembangunan pula dijangka akan berbelanja sebanyak **RM94.5 juta** atau **93.38 peratus**.

## **ANGGARAN HASIL 2021**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

37. Sebagai Kerajaan yang prihatin dan peduli rakyat, Belanjawan 2021 ini telah melalui proses libat urus yang menyeluruh dengan semua pemegang taruh yang berkepentingan. Pandangan dan harapan rakyat pastinya menjadi keutamaan tertinggi dalam penyediaan Belanjawan kali ini. Kerajaan amat memahami keperitan hidup rakyat yang terpaksa mengharungi pelbagai bentuk kesusahan terutama kepada mereka yang diberhentikan kerja akibat penutupan atau pengecilan operasi syarikat.

38. Sebab itulah, saya memilih tema Belanjakeraan bagi tahun 2021 ini **“Merangsang Ekonomi, Memperkasa Rakyat”** sebagai iltizam Kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negeri. Pada masa yang sama, kebijakan dan kesejahteraan rakyat tetap menjadi keutamaan supaya tidak ada yang terpinggir dari menerima manfaatnya bak kata bidaan orang tua-tua, **“kalau ada yang tercicir nak dicari, kalau ada yang tertanam nak digali, kalau ada yang tertimbun nak dicungkil, kalau ada yang terkambus nak dikorek”**.

39. Mengambil kira senario ekonomi global dan nasional, Kerajaan Negeri perlu bersifat realistik dalam menyediakan Belanjawan 2021.

40. Setelah mengambil kira semua indikator ekonomi domestik dan trajektori hasil, sukacita saya mengumumkan anggaran hasil negeri bagi tahun 2021 adalah sebanyak **RM448 juta** iaitu **pengurangan sebanyak RM9 juta atau 1.97 peratus** berbanding Belanjawan tahun 2020. Secara keseluruhannya, **Hasil Bukan Cukai** kekal sebagai penyumbang utama hasil negeri iaitu sebanyak **RM230.49 juta** ataupun **51 peratus**. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak **RM9.63 juta atau 4.01 peratus**.

41. **Hasil Cukai** dijangka menyumbang sebanyak **RM155.60 juta atau 35 peratus** dengan **peningkatan** sebanyak **RM0.45 juta** atau 0.29 peratus. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga dijangka akan memperolehi sebanyak **RM61.91 juta** atau **14 peratus** dari pelbagai **Terimaan Bukan Hasil** seperti bayaran balik pinjaman, pemberian dan

caruman Kerajaan Persekutuan. Ini menjadikan keseluruhan hasil Negeri pada tahun 2021 adalah sebanyak **RM448 juta**.

42. Penurunan anggaran hasil tahun 2021 adalah berdasarkan unjuran penurunan kutipan premium tanah sebanyak **RM11.8 juta** dan kehilangan hasil pemberian Cukai Pelancongan 2020 sebanyak **RM2.47 juta** dari Kerajaan Persekutuan.

## **ANGGARAN BELANJAWAN MENGURUS 2021**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

43. Di sebalik kekurangan hasil pada tahun 2021, Kerajaan Negeri tetap komited untuk meneruskan agenda pembangunan dan pemerkasaan ekonomi rakyat. Ekonomi domestik perlu terus dirangsang supaya keseluruhan rantai industri dapat kembali cergas sekaligus mempercepatkan proses pemulihan. Kedudukan rezab yang kukuh, membolehkan Kerajaan Negeri mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, sejumlah peruntukan perbelanjaan mengurus sebanyak **RM560 juta** iaitu melebihi dari unjuran hasil tahun 2021 sebanyak **RM448 juta**.

44. Ini menjadikan Belanjawan Tahun 2021 ini adalah Belanjawan **defisit** sebanyak **RM112 juta**. Telah sampai masanya Kerajaan Negeri mengembalikan semula simpanan rezab yang ada kepada rakyat dalam bentuk inisiatif kebajikan, bantuan, insentif dan program-program pembangunan yang akan saya bentangkan sebentar nanti.

45. Perincian **Anggaran Belanjawan Mengurus Tahun 2021** adalah seperti berikut:

- i. **Emolumen:** RM201.22 juta atau 35.93 peratus;
- ii. **Perkhidmatan dan Bekalan:** RM105.04 juta atau 18.76 peratus;
- iii. **Perolehan Aset:** RM4.19 juta atau 0.75 peratus;
- iv. **Pemberian dan Kenaan Tetap:** RM228.0 juta atau 40.71 peratus;  
dan
- v. **Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain:** RM21.55 juta atau 3.85 peratus.

## **PENCAPAIAN INISIATIF BELANJAWAN 2020 DAN PERLUASAN INISIATIF 2021**

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

46. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pelbagai bentuk inisiatif dan bantuan bagi menjayakan tema “**Melestari Ekonomi, Mensejahtera Rakyat**”.

47. Sehingga 31 Oktober 2020, prestasi perbelanjaan inisiatif telah mencapai **RM33.67 juta** atau **80 peratus** merangkumi **27 Inisiatif** yang bersifat *touch point* dan diwujudkan khusus untuk membantu rakyat secara langsung.

48. Melihat kepada keberkesanan dan penerimaan yang amat baik dari masyarakat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mengekal dan memperluaskan **22 inisiatif sedia ada** pada tahun 2021. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga akan memperkenalkan **31 inisiatif baharu**,

menjadikan keseluruhan inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun 2021 adalah sebanyak **53 inisiatif**.

49. Bagi maksud tersebut, sebanyak **8 Bidang Tumpuan** atau *Focus Area* telah dikenal pasti iaitu **Ekonomi Rakyat, Pendidikan, Kebajikan, Pemerkasaan Komuniti, Belia dan Wanita, Kerohanian dan Agama, Institusi Adat dan Pentadbiran**.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

#### **BIDANG TUMPUAN PERTAMA: EKONOMI RAKYAT**

50. Kerajaan Negeri amat sedar dan memahami penderitaan yang sedang dilalui oleh sebahagian besar masyarakat khususnya golongan B40. Kelompok ini harus dibantu untuk mengupayakan semula ekonomi menerusi pelbagai inisiatif pemerkasaan rakyat. Untuk maksud itu, sebanyak **RM13.75 juta** diperuntukkan meliputi pelaksanaan inisiatif-inisiatif berikut.

#### **INISIATIF PERTAMA: Tabung Usahawan Negeri Sembilan (TUNS)**

51. Inisiatif TUNS ini telah mula diperkenalkan sejak tahun 2019 lagi dengan peruntukan sebanyak RM3 juta. Ianya adalah pemberian geran sebanyak RM3 ribu kepada usahawan-usahawan mikro. Jumlah penerima geran TUNS pada tahun 2019 adalah seramai **1,046 penerima** dan sehingga Oktober 2020, jumlahnya adalah seramai **2,014 penerima**. Inisiatif ini terbukti mendapat sambutan yang sangat menggalakkan,

apabila jumlah permohonan yang diterima sehingga kini telah mencecah **8,689 orang** yang mana ianya telah melepassi peruntukan asal sebanyak RM5 juta. Atas sambutan yang menggalakkan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan tambahan RM1 juta lagi menjadikan keseluruhan **RM6 juta** bagi tahun 2020.

52. Inisiatif ini ternyata membantu meningkatkan pendapatan usahawan mikro di antara **10 hingga 15 peratus** berbanding sebelumnya. Justeru itu, Kerajaan Negeri mencadangkan agar inisiatif ini diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM3 juta**.

### **INISIATIF KE-2: TUNS PLUS**

53. Selain dari pemberian geran sebanyak RM3 ribu, Kerajaan Negeri merasakan, usahawan-usahawan mikro ini perlu terus dibimbang dan diperkasakan supaya terus berkembang dan berdaya maju dalam perniagaan masing-masing. Untuk itu, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu pada tahun 2021 dikenali sebagai **TUNS PLUS** iaitu pemberian **pinjaman mudah tanpa faedah** dengan had pinjaman maksimum sebanyak **RM15 ribu**. Menerusi inisiatif ini, usahawan-usahawan mikro akan dapat memperluaskan perniagaan dengan tambahan modal yang boleh digunakan untuk membeli peralatan, pengiklanan dan promosi produk. Untuk maksud itu, sebanyak **RM3 juta** akan disediakan pada tahun hadapan yang dijangka akan dapat membiayai seramai **200 orang usahawan mikro**. PKNNS akan terus memainkan peranan penting sebagai peneraju agenda pembangunan usahawan khususnya Bumiputra, seiring dengan matlamat penubuhannya.

## **INISIATIF KE-3: Pembinaan Pusat Penempatan Semula Penjaja**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

54. Semasa sidang Dewan pada bulan September yang lalu, pihak pembangkang telah menuduh Kerajaan berlaku zalim ke atas penjaja yang berniaga di tepi-tepi jalan kerana kononnya merobohkan gerai-gerai penjaja tanpa belas kasihan. Di sini, izinkan saya memberikan penjelasan sekali gus membezakan pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Pakatan Harapan berbanding Kerajaan yang dahulu.

55. Pertamanya, sebagai Kerajaan, kita perlu sentiasa mendidik masyarakat supaya menghormati kedaulatan undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Sebagai sebuah negara yang menjunjung demokrasi perlembagaan, anggota pentadbiran dan ahli-ahli politik, perlu menghormati prinsip dan bidang tugas penjawat awam yang sekadar menjalankan tugas serta tanggungjawab berlandaskan kepada peraturan-peraturan sedia ada.

56. Tindakan penguatkuasaan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Seremban dan beberapa buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain, adalah kerana lokasi perniagaan mereka terletak di kawasan yang merbahaya terutamanya melibatkan isu keselamatan lalu lintas. Sebahagian mereka mendirikan gerai-gerai binaan kekal di bahu-bahu jalan, persimpangan, rezab sungai, rezab kawasan lapang, laluan pejalan kaki, taman permainan dan sebagainya. Selain isu kebersihan dan

keselamatan lalu lintas, perbuatan ini secara jelas bertentangan dengan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133).

57. Janganlah kita sebagai pemimpin menjadi seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan lurus sedangkan diri sendiri tidak betul. Jadilah kita pemimpin yang adil dan benar walaupun pahit.

58. Janganlah kita menjadi pemimpin, "**Ibarat limau masam sebelah, perahu karam sekerat, tiba di mata dipicingkan, tiba di perut dikempiskan**".

59. Sebab itulah, walaupun saya sebagai Menteri Besar, tidak pernah campur tangan atau menghalang pegawai-pegawai Kerajaan melaksanakan tugas mereka dalam menguatkuaskan undang-undang. Ini terbukti dengan kejayaan Majlis Perbandaran Port Dickson membersihkan pantai Telok Kemang dari khemah-khemah penjaja yang tidak terurus sejak puluhan tahun lamanya, sehingga menjadikan keindahan pantai Port Dickson. Namun kini, keadaan sama sekali berubah. Pantai Telok Kemang di Port Dickson telah mula dibanjiri ramai pengunjung dari luar Negeri Sembilan kerana kebersihan dan keindahan pantainya.

60. Keduanya, sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin dan peduli rakyat, nasib-nasib penjaja ini tidaklah dibiarkan begitu sahaja tanpa pembelaan. Sebaliknya, penjaja-penjaja yang diarahkan berpindah ini, telah ditempatkan di satu lokasi baharu yang lebih tersusun. Justeru itu, untuk tahun 2021, Kerajaan bersetuju untuk menyediakan peruntukan

sebanyak **RM3 juta** bagi membina tapak-tapak penjaja berpusat di beberapa lokasi yang strategik di seluruh Negeri Sembilan.

#### **INISIATIF KE-4: Insentif Penempatan Semula Penjaja**

61. Bagi mempastikan nasib penjaja dan peniaga kecil ini terus terbela, Kerajaan juga bersetuju untuk memberikan insentif khas berbentuk wang tunai secara *one-off* berjumlah **RM300.00** kepada setiap penjaja yang terlibat. Ini akan melibatkan peruntukan berjumlah **RM1 juta** yang bakal memberi manfaat kepada **3,300 penjaja**.

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

#### **INISIATIF KE-5: Siswazah Tani (INSIST-9)**

62. Kajian *Household Income Survey (HIS)* oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2019 mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Sembilan menumpukan kepada sektor pertanian bagi mengimbangkan defisit keperluan makanan berdasarkan pertanian berbanding pengeluaran.

63. Pada tahun 2020, seramai **51 orang siswazah** telah menerima geran di antara RM5 ribu hingga RM10 ribu. Program ini bukan sahaja mengubah persepsi graduan terhadap industri asas tani malah turut berjaya membantu Kerajaan mengatasi masalah tanah-tanah terbiar. Untuk itu, inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun 2021 dengan peruntukan berjumlah **RM0.5 juta**.

### **INISIATIF KE-6: Petani Muda**

64. Melihat kepada kejayaan INSIST-9, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperluaskan inisiatif ini kepada anak-anak muda selain siswazah dengan geran antara RM5 ribu hingga RM10 ribu dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak **RM0.5 juta**.

### **INISIATIF KE-7: Insentif Pengeluaran Agro Makanan**

65. Kerajaan Negeri komited dalam memastikan bekalan makanan berasaskan pertanian sentiasa mencukupi untuk menampung keperluan tempatan. Oleh itu, sebanyak **RM1 juta** diperuntukkan untuk Insentif Pengeluaran Agromakanan yang bertujuan menggalakkan pengeluaran **5,000 metrik tan** sayur-sayuran dan buah-buahan.

### **INISIATIF KE-8: Insentif Keselamatan Makanan**

66. Selain dari menggalakkan pembangunan aktiviti pertanian, petani juga harus dibimbing untuk mengamalkan amalan pertanian yang selamat dan berkualiti. Jabatan Pertanian akan melaksanakan proses akreditasi myGAP dan myORGANIC bagi mengiktiraf petani-petani yang mengamalkan amalan baik pertanian ini. Sehingga Oktober 2020 seramai **349 pengusaha pertanian** di Negeri Sembilan telah berjaya memperolehi kedua-dua sijil pengiktirafan ini sekali gus membantu petani memperluaskan pasaran produk tani masing-masing. Bagi menggalakkan amalan baik pertanian ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.5 juta** bagi tahun 2021 sebagai geran bantuan berbentuk

infrastruktur dan input pertanian dengan nilai maksima **RM10 ribu** untuk setiap peserta.

#### **INISIATIF KE-9: Pembangunan Tanah Terbiar**

67. Untuk makluman Dewan yang mulia, sehingga Oktober 2020, keseluruhan tanah terbiar di Negeri Sembilan adalah seluas **10,500.71 hektar** dengan daerah Tampin merekodkan keluasan yang tertinggi iaitu 4,171.73 hektar. Alhamdulillah, hasil dari usaha yang berterusan oleh semua pihak khususnya Jabatan Pertanian, **seluas 508.4 hektar tanah terbiar** telah berjaya dimajukan sepanjang tahun 2019 dan 2020. Untuk itu, **RM1.0 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2021.

68. Bantuan akan diberikan dalam bentuk penyediaan infrastruktur ladang seperti pemasangan pagar, sistem perpaipan, pam air dan input pertanian dengan nilai bantuan maksimum **RM15 ribu per hektar**.

#### **INISIATIF KE-10: Remisyen Cukai Tanah**

69. Untuk memperkuatkan lagi komitmen tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan remisyen cukai tanah yang dianggarkan berjumlah **RM0.1 juta** kepada pemilik yang mengusahakan tanah terbiar. Untuk itu, satu garis panduan bagi pemberian remisyen ini akan disediakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan.

## **INISIATIF KE-11: Job Fair**

70. Bagi merangsang peluang pekerjaan di kalangan rakyat, inisiatif *Job Fair* akan diteruskan dengan norma baharu bagi tahun 2021 dengan peruntukan berjumlah **RM0.15 juta**. Pelaksanaan *Job Fair* ini akan dilaksanakan secara kerjasama dengan semua pemain industri termasuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi membantu siswazah-siswazah yang menganggur.

## **Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, BIDANG TUMPUAN KEDUA: PENDIDIKAN**

71. Sesungguhnya Islam amat memandang tinggi kepada orang-orang yang berilmu dan berpengetahuan sebagaimana sabda Rasulullah SAW “Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim” (Hadis Riwayat Ibnu Majah). Justeru itu, bidang tumpuan kedua yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri pada tahun 2021 adalah pemerkasaan bidang **Pendidikan**. Sungguhpun bidang Pendidikan ini menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, namun Kerajaan Negeri Sembilan tetap bersikap matang dan profesional dalam memperkasakan bidang pendidikan di kalangan anak-anak negeri tanpa mengira apa jua perbezaan politik. Justeru, sebanyak **RM9.9 juta** akan diperuntukkan di bawah bidang keutamaan kedua ini.

72. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada Yayasan Negeri Sembilan, untuk membina bangunan pentadbiran dan blok akademik yang baharu. Alhamdulillah, pada ketika ini kerja-kerja pembinaan sedang rancak

dijalankan dengan pencapaian **9 peratus** dan dijangka siap sepenuhnya pada awal tahun 2022.

### **INISIATIF KE-12: Tabung Penyelenggaraan Sekolah**

73. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Negeri Sembilan telah menjadi negeri yang pertama melancarkan Tabung Penyelenggaraan Sekolah bagi membantu kerja-kerja pemberian kecil dan segera yang diperlukan. Inisiatif ini bertujuan untuk mempastikan anak-anak dapat menikmati kemudahan pembelajaran yang kondusif serta menjamin keselamatan mereka ketika berada di sekolah. Satu Akaun Amanah telah pun diwujudkan bagi maksud tersebut. Malangnya, sungguhpun Kerajaan Negeri sentiasa bersikap professional, terdapat arahan yang melarang pemimpin-pemimpin negeri menyantuni anak-anak di sekolah walaupun sekadar meninjau kebijakan dan permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Janganlah kerana terlalu bermain politik, anak-anak yang tidak berdosa menjadi pertaruhan.

74. Untuk mempastikan kelancaran inisiatif yang telah dirancang tersebut, Kerajaan Negeri telah menjalankan kerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi menyalurkan peruntukan yang diperlukan. Bak kata bidalan, “***Mencari kata muafakat, menambah mana yang kurang, menyambung mana yang singkat, menghubung mana yang pendek, melantai mana yang lapuk, membaharui mana yang usang***”.

75. Alhamdulillah, sepanjang tahun 2020 ini, sebanyak **57 buah sekolah** telah pun menerima peruntukan ini bagi membaiki pelbagai

kerosakan kecil. Justeru Kerajaan Negeri bersetuju menaikkan peruntukan inisiatif ke dua belas ini daripada RM1.0 juta pada tahun 2020 kepada **RM1.5 juta** pada tahun 2021.

#### **INISIATIF KE-13: Bantuan Sekolah Tahfiz, SJKC, SJKT dan Swasta**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

76. Inisiatif Bantuan Sekolah-sekolah Tahfiz, SJKC, SJKT dan Swasta telah dimulakan sejak tahun 2019. Setelah dua tahun pelaksanaannya, inisiatif ini terbukti berjaya meningkatkan moral dan mutu pembelajaran di sekolah masing-masing. Peruntukan ini telah digunakan bagi membantu menampung perbelanjaan operasi dan penyelenggaraan sekolah. Alhamdulillah, dari RM3 juta yang diperuntukkan dalam tahun 2020 ini, sebanyak **87 buah sekolah** telah menerima manfaatnya yang melibatkan **seramai hampir 15 ribu orang pelajar**. Untuk itu, inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan Jumlah peruntukan sebanyak **RM2.5 juta**.

#### **INISIATIF KE-14: Bantuan Anak Sekolah (B.A.S)**

77. Bagi meneruskan lagi agenda pemerkasaan pendidikan, golongan berpendapatan rendah akan terus dibela supaya tidak ada anak-anak yang tercicir dari arus pendidikan hanya disebabkan kemiskinan. Inisiatif Bantuan Anak Sekolah (B.A.S) dalam bentuk pemberian tunai sebanyak **RM50.00** sebulan akan diteruskan lagi pada tahun hadapan. Sehingga kini, seramai **1,818 anak-anak murid dari Darjah 1 hingga Tingkatan 1** telah

menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah **RM1 juta**. Justeru itu, inisiatif ini bukan sahaja akan diteruskan, malah akan **diperluaskan** lagi kepada pelajar-pelajar Tingkatan Dua dan Tiga. Perluasan ini bakal memberi manfaat kepada 2,400 orang pelajar pada tahun hadapan dengan peruntukan berjumlah **RM1.3 juta**.

#### **INISIATIF KE-15: Biasiswa Anak Negeri**

78. Selain dari bantuan anak sekolah, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memperkenalkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Biasiswa Anak Negeri** kepada pelajar-pelajar yang cemerlang akademik dan kokurikulum, tetapi datang dari kalangan keluarga yang kurang berkemampuan. Maka itu, inisiatif Biasiswa Anak Negeri tahun 2021 ini akan ditambah baik dengan **kenaikan kadar** dari RM30 ringgit sebulan kepada RM50 ringgit sebulan. Untuk itu, peruntukan sebanyak **RM0.8 juta** akan disediakan pada tahun 2021 dengan jangkaan memberi manfaat kepada **1,333 anak-anak sekolah yang memerlukan**.

#### **INISIATIF KE-16: Program *Fast Track* Lepasan Tahfiz**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

79. Kita seharusnya rasa bersyukur dan bangga melihat semakin ramai anak-anak muda yang bergelar hafiz dan hafizah yang berupaya menghafal 30 juzu' Al-Quran dengan jayanya. Ini bukanlah satu usaha yang mudah yang boleh ditiru oleh semua orang, kerana ianya memerlukan pimpinan rohani yang sangat tinggi beserta tertib *murajaah* dalam

hafazannya. Namun, kita juga mengimpikan sebuah masyarakat yang dipimpin oleh golongan profesional seperti doktor, jurutera, akitek dan akauntan yang bergelar hafiz dan hafizah. Maka itu, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM0.5 juta** bagi membiayai anak-anak tahfiz memperolehi Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dalam tempoh yang singkat atau *fast track*, walaupun tidak mengikuti silibus akademik yang rutin di sekolah.

### **INISIATIF KE-17: Rumah Negeri Sembilan@Kaherah**

80. Selain pemerkasaan pelajar-pelajar sekolah, Kerajaan Negeri tidak melupakan anak-anak Negeri Sembilan yang sedang menuntut di luar negara khususnya di bawah tajaan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan di Kaherah dan Maghribi. Pada awal tahun 2020, saya dan rakan-rakan telah berkesempatan menziarahi anak-anak yang sedang belajar di Universiti Kaherah dan melakukan lawatan ke rumah kediaman milik Kerajaan Negeri yang keseluruhannya **berjumlah 13 unit**. Saya rasa terharu melihat keadaan kediaman yang kurang sempurna yang memerlukan pemberian segera.

81. Sehingga kini, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sedang menaja **90 orang pelajar** dalam bidang Pengajian Perubatan dan Pendidikan Islam di Mesir. Bagi menjaga kebajikan dan kemudahan mereka, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan di asrama Rumah Negeri Sembilan di Kaherah dengan peruntukan berjumlah **RM2 juta**.

## **INISIATIF KE-18: Elaun Guru KAFA**

82. Sebagai menghargai usaha dan pengorbanan guru-guru KAFA, Kerajaan bersetuju untuk mengekalkan peruntukan berjumlah **RM1.3 juta** sebagai **tambahan elaun bulanan**, dengan kadar di antara RM50 hingga RM100 sebulan untuk manfaat **1,862 guru KAFA**.

## **BIDANG TUMPUAN KETIGA: KEBAJIKAN**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

83. Selain daripada menumpukan kepada pemeriksaan ekonomi rakyat dan pendidikan, aspek kebajikan juga merupakan salah satu agenda penting yang menjadi keutamaan dalam pentadbiran negeri. Semasa Belanjawan Tambahan Tahun 2020 yang lalu, Kerajaan telah memperuntukkan **RM15 juta** khusus untuk membantu kebajikan rakyat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

84. Melihat kepada peningkatan kes positif COVID-19 akhir-akhir ini, sukacita saya umumkan, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan kecemasan di dalam **Akaun Amanah Bencana sebanyak RM10 juta** lagi bagi membantu kebajikan rakyat yang terjejas termasuk *frontliners*.

85. Bagi meneruskan agenda kebajikan rakyat, sebanyak **RM16.6 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif berikut:

### **INISIATIF KE-19: Tambahan Elaun Bantuan Am**

86. Semasa Belanjawan 2020, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan elaun Bantuan Am sebanyak RM60 sebulan melibatkan seramai 4,600 penerima. Menyedari peningkatan kos sara hidup, Kerajaan bersetuju untuk menaikkan lagi kadar Bantuan Am sebanyak RM50 sebulan menjadikan jumlah elaun bulanan meningkat di antara **RM250.00 hingga RM320.00** bagi setiap penerima bagi tahun 2021. Keseluruhannya, inisiatif ini akan melibatkan peruntukan sebanyak **RM3 juta** pada tahun 2021. Adalah diharapkan dengan kenaikan elaun bantuan am ini akan dapat meringankan beban perbelanjaan bulanan golongan yang memerlukan.

**Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,**

### **INISIATIF KE-20: Bantuan Peralatan Implan Orthopedik**

87. Kerajaan Negeri amat prihatin dengan nasib segelintir masyarakat yang tidak mampu untuk membeli alatan sokongan **implan orthopedik** seperti *anterior cervical, axial screw, bone screw* dan *bone plate* disebabkan oleh masalah kewangan. Kebiasaannya, pesakit yang memerlukan alat bantuan sokongan ini adalah di kalangan mereka yang mengalami kemalangan atau kes perubatan trauma sehingga menyukarkan mereka kembali bekerja seperti sebelumnya.

88. Sehingga kini seramai **48 individu** telah menerima bantuan dengan jumlah keseluruhan berjumlah **RM0.27 juta**. Sehubungan itu, sukacita

diumumkan inisiatif ini dikekalkan dengan jumlah peruntukan yang sama iaitu **RM0.5 juta**.

### **INISIATIF KE-21: Food Bank**

89. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri dalam membantu mengurangkan beban golongan yang memerlukan termasuk gelandangan dan mereka yang dilanda musibah. Pada tahun 2020, seramai **1,000 penerima** telah menerima manfaat ini melalui agihan bekalan makanan asas. Usaha murni ini akan diteruskan lagi pada tahun 2021 dengan gerak kerja yang lebih tersusun dan bersepada, bersama badan-badan NGO untuk mengesan dan menyantuni kelompok tercicir ini. Untuk itu, sebanyak **RM0.1 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2021.

### **INISIATIF KE-22 dan 23: Takaful Khairat Kematian dan Hibah Takaful**

90. Selain membantu kebajikan kelompok B40 dan orang kurang upaya, Kerajaan turut prihatin terhadap nasib waris mereka sekiranya berlaku kematian. Kehilangan ketua isi rumah sebagai tempat bergantung adalah sesuatu yang amat perit dan menyedihkan. Sebagai tanda simpati dan menzahirkan rasa prihatin, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu pada tahun 2021 iaitu **Pelan Takaful Khairat Kematian** kepada orang Islam dan **Hibah Takaful** kepada yang bukan Islam. Sebagai permulaan, Kerajaan akan melakukan caruman tahunan dengan nilai antara **RM20 hingga RM40** seorang kepada **seramai lebih kurang 11,500 orang** Ketua Isi Rumah (KIR) dari senarai e-Kasih. Sekiranya berlaku kematian, waris si mati akan menerima wang khairat di antara **RM2,000**

**hingga RM5,000.** Untuk itu, Kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM1.5 juta** di bawah inisiatif ini.

#### **INISIATIF KE-24: Tabung Perubatan Haemodialisis**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

91. Salah satu penyakit tidak berjangkit (NCD) yang menunjukkan tren peningkatan membimbangkan adalah penyakit kegagalan fungsi buah pinggang. Peningkatan jumlah pesakit setiap tahun, terutamanya di kawasan bandar, telah mengakibatkan berlakunya kesesakan dan tempoh menunggu rawatan yang panjang.

92. Selain dari bilangan mesin yang terhad, kos rawatan susulan yang diperlukan oleh pesakit juga agak tinggi. Sehubungan itu, bagi meringankan beban pesakit terutamanya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Tabung Perubatan Haemodialisis** dengan peruntukan sebanyak **RM1 juta**.

#### **INISIATIF KE-25: Rumah Transit**

93. Melihat kepada statistik gelandangan yang semakin meningkat, Kerajaan Negeri bersetuju untuk mewujudkan sebuah rumah transit dengan peruntukan **RM0.5 juta** untuk kerja-kerja penyediaan fasiliti dan operasi rumah transit tersebut.

## **BIDANG TUMPUAN KEEMPAT: PEMERKASAAN KOMUNITI**

94. Masyarakat yang terbina atas prinsip kesepakatan dan perpaduan, akan melahirkan sebuah negara bangsa yang berjaya. Justeru itu, agenda pemerksaan komuniti adalah bidang keutamaan ke empat yang akan menumpukan kepada pelbagai inisiatif dan program yang bersifat *community based* (dengan izin) melangkaui sempadan bangsa dan agama sekali gus mengatasi jurang sosial yang wujud di antara kelompok masyarakat. Oleh itu, sebanyak **RM21.09 juta** diperuntukkan di bawah bidang tumpuan ini bagi membiayai inisiatif-inisiatif seperti berikut:

### **INISIATIF KE-26: Geran Aktiviti MPKK**

95. Perubahan kepimpinan di peringkat Persekutuan tidak bererti aktiviti komuniti di peringkat MPKK di negeri ini akan terhenti sepenuhnya. Walaupun Kerajaan Persekutuan tidak lagi menyalurkan geran aktiviti berjumlah **RM10 ribu** kepada setiap MPKK, Kerajaan Negeri tetap komited untuk menyediakan peruntukan yang mencukupi bagi membiayai aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di peringkat akar umbi.

96. Jika sebelum ini, Kerajaan hanya memperuntukkan RM2 ribu untuk membiayai aktiviti MPKK, kini, sukacita saya mengumumkan peruntukan sebanyak **RM5 ribu** bagi setiap MPKK pada tahun 2021 yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM2.17 juta**. Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan khas yang akan saya umumkan sebentar lagi khusus kepada golongan belia dan beliawanis di MPKK masing-masing. Adalah diharapkan, dengan geran aktiviti yang disediakan ini, semua kepimpinan

di peringkat akar umbi akan lebih cakna menyantuni masyarakat. Jadilah mata dan telinga Kerajaan yang berkesan tanpa mengira sempadan politik atau bangsa. Laporlah segera kepada pentadbiran di daerah jika ada anak-anak buah di kampung masing-masing yang dalam kesusahan. Rancanglah aktiviti yang boleh meningkatkan perpaduan komuniti. Bangunkanlah aktiviti-aktiviti ekonomi desa terutamanya pembangunan tanah terbiar menerusi pelbagai inisiatif dan geran yang disediakan oleh Kerajaan. Semoga dengan itu nanti, akan semaraklah perpaduan di kalangan masyarakat yang akhirnya mewujudkan sebuah negeri yang sentosa.

### **INISIATIF KE-27: Perkhidmatan Bas Percuma**

97. Inisiatif perkhidmatan bas secara percuma ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 di bandar Seremban sebelum diperluaskan ke daerah Jempol. Sehingga kini, perkhidmatan ini telah memberi manfaat kepada **30,056 orang pengguna** yang menggunakan bas untuk pelbagai urusan harian. Inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan jumlah peruntukan yang sama iaitu sebanyak **RM1.42 juta**.

### **INISIATIF KE-28: Desa Muafakat NS**

98. Inisiatif **baharu** ini merupakan program perluasan kampung yang dirangka untuk pembangunan penempatan di kawasan luar bandar yang lebih tersusun bagi merangsang produktiviti ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Pelbagai mekanisme telah digariskan dalam **Pelan Pembangunan Luar Bandar Negeri Sembilan 2019-2040**

**(PPLBNS 2040)** termasuklah pembukaan lot-lot tanah bagi tujuan kediaman di lokaliti yang sesuai dan dikenal pasti. Untuk tujuan ini, Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan berjumlah **RM1 juta** bagi pelaksanaan tahun 2021.

#### **INISIATIF KE-29: Program Rumah Harapan Rakyat**

99. Pelbagai usaha dan inisiatif telah dilakukan bagi menggalakkan lebih banyak pembinaan rumah mampu milik oleh pihak swasta dan badan berkanun negeri, selaras dengan Dasar Perumahan Negeri Sembilan. Sehingga suku tahun ketiga 2020, sebanyak **285,718 unit rumah mampu milik** telah dibina.

100. Namun begitu, harga jualan rumah mampu milik ini, adakah masih berada di luar kemampuan golongan B40. Data Sosio-Ekonomi Negeri Sembilan menunjukkan, peratusan isi rumah yang mendiami rumah yang dimiliki telah menurun daripada 80.1 peratus pada tahun 2016 kepada 78.9 peratus tahun 2019. Sebahagian pembeli tidak berjaya memperolehi pembiayaan kewangan atau pinjaman dari pihak bank disebabkan oleh komitmen kewangan yang tinggi. Ini termasuklah di kalangan penjawat awam.

101. Disebabkan itulah, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan (PKNNS), telah melancarkan satu projek khas perumahan penjawat awam yang dikenali sebagai **Taman Rimbul Harapan** di atas sebidang tanah seluas **45.09 ekar** di Bandar Ainsdale. Projek ini merupakan projek rintis dan akan diperluaskan lagi di beberapa

daerah lain. Projek ini menawarkan sebanyak **351 unit rumah** kepada penjawat awam, khususnya kepada mereka yang masih belum mempunyai kediaman pada harga yang sangat rendah iaitu hanya **RM90 ribu** bagi rumah Jenis A dan **RM250 ribu** bagi rumah jenis B.

102. Sehingga kini, peratus kemajuan di tapak adalah sebanyak **31.1 peratus** dan dijangka siap sepenuhnya pada bulan Januari tahun 2022.

103. Bagi memperluaskan lagi inisiatif ini kepada orang ramai selain dari penjawat awam, sukacita saya mengumumkan satu lagi inisiatif baharu iaitu **Rumah Harapan Rakyat** dengan peruntukan sebanyak **RM5 juta** pada tahun 2021. Inisiatif baharu ini khusus untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan keluarga miskin yang tidak mempunyai rumah, tetapi mempunyai tanah sendiri untuk membina rumah yang lebih sempurna dan selesa. Sebagai permulaan, inisiatif ini bakal memberi manfaat kepada **80 buah keluarga** di seluruh negeri dengan anggaran maksimum **RM70 ribu** untuk sebuah rumah. Sekali lagi PKNNS akan dilantik sebagai peneraju kepada projek ini.

### **INISIATIF KE-30: Penyelenggaraan Perumahan Awam**

104. Selain dari pembinaan rumah-rumah baharu, Kerajaan turut memberikan perhatian terhadap penyelenggaraan rumah-rumah awam sedia ada supaya kekal berada dalam keadaan baik, kondusif dan berdaya huni.

105. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM5.45** juta bagi menyelenggara beberapa skim perumahan awam yang telah memberikan manfaat kepada lebih kurang **3,000 orang** penghuni.

106. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan sebanyak **RM5.5 juta** pada tahun 2021 untuk melaksanakan pelbagai projek penyelenggaraan perumahan awam. Antaranya pendawaian semula Rumah Pangsa Tun Dr Ismail sebanyak RM1.5 juta, kerja-kerja penyelenggaraan dan naik taraf PPR Bersepadu Senawang RM1.25 juta dan kerja-kerja mengecat semula Rumah Pangsa Wisma Sentosa di Kuala Pilah sebanyak RM0.48 juta.

### **INISIATIF KE-31: Penyelenggaraan Perumahan Swasta**

107. Selain daripada penyelenggaraan rumah-rumah awam, Kerajaan turut terpanggil untuk membantu skim perumahan strata milik swasta yang berada dalam keadaan yang daif. Sungguhpun penyelenggaraan rumah swasta ini terletak di bawah tanggungjawab Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MB), namun, sebahagian besar JMB ini tidak mempunyai keupayaan kewangan yang baik untuk menyelenggara rumah-rumah tersebut. Akibatnya, **263 buah skim perumahan swasta** sederhana dan rendah yang terdapat di beberapa daerah iaitu Seremban, Port Dickson, Jempol dan Kuala Pilah berada dalam keadaan yang tidak sempurna dan daif.

108. Sehubungan itu, Kerajaan bersetuju memperuntukkan **RM1** juta bagi menampung kekurangan pembiayaan penyelenggaraan asas perumahan swasta.

**INISIATIF KE-32: Penyelenggaraan Taman-taman Rekreasi Awam**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

109. Pandemik COVID-19 bukan sahaja mengubah landskap ekonomi dunia malah telah memberikan kesan yang amat mendalam terhadap kesihatan minda manusia.

110. Tekanan hidup yang melampau ini memerlukan terapi yang baik seperti riadah dan gaya hidup cergas di taman-taman rekreasi awam. Namun, sebahagian dari taman rekreasi awam yang terdapat di negeri ini berada dalam keadaan yang kurang sempurna akibat darikekangan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelenggara taman rekreasi tersebut. Bagi menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Negeri Sembilan, Kerajaan bersetuju untuk membantu Pihak Berkuasa Tempatan menyelenggara taman awam masing-masing dengan peruntukan sebanyak **RM2** juta.

**INISIATIF KE-33: Pemasangan LED Billboard**

111. Selain menyediakan prasarana yang mencukupi untuk beriadah, rakyat juga memerlukan akses yang mudah untuk mendapat maklumat secara santai sambil berhibur. Untuk itu, Kerajaan akan membina LED

*billboard* di empat daerah iaitu Port Dickson, Kuala Pilah, Tampin dan Jempol bagi membolehkan orang awam khususnya anak-anak muda berkumpul menyaksikan siaran secara langsung pertandingan sukan tertentu di samping mengetahui info semasa Kerajaan. Pemasangan LED *billboard* ini juga akan menjadi medium penyampaian informasi kepada rakyat. Justeru sebanyak **RM2 juta** diperuntukkan untuk insiatif ini.

### **INISIATIF KE-34: ERAT@NS**

112. Sebagai sebuah negara majmuk, perpaduan antara kaum adalah teras kepada kemakmuran dan kemajuan di negara ini. Rasa bersama dan saling hormat menghormati antara satu sama lain harus terus dipupuk dan disuburkan. Amalan menyebarkan dakyah dan momokan buruk terhadap sesuatu kaum atau bangsa hendaklah dihentikan. Janganlah disebabkan untuk meraih sokongan politik, kita tergamak mempertaruhkan keamanan negara dengan membakar sentimen dan api kemarahan terhadap sesuatu kaum. Ingatlah, tidak ada kemuliaan sesuatu bangsa atau kaum itu melainkan kerana taqwanya kepada Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam surah **Al-Hujurat ayat 13** yang bermaksud “**Wahai manusia, sesungguhnya Kami ciptakan kamu dari seorang laki-laki dan perempuan dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa untuk saling kenal mengenal, sesungguhnya yang paling mulia di antara kamu adalah orang-orang yang bertaqwa**”. Justeru itu, bagi menyuburkan perpaduan antara kaum di negeri ini, Kerajaan bersetuju untuk memperuntukkan **RM1 juta** bagi meneruskan inisiatif ERAT@NS yang akan digerakkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri selaku agensi pelaksana.

## **BIDANG TUMPUAN KELIMA: BELIA DAN WANITA**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

113. Kekuatan dan tamadun masa depan sesuatu bangsa itu adalah bergantung kepada generasi mudanya. Kita merindukan tokoh-tokoh pemuda seperti Sayyidina Ali, Abdurrahman bin Auf dan Zaid bin Tsabit. Mereka bukan sahaja anak-anak muda yang berjuang mempertahankan agama dan negara, tetapi juga merupakan pemikir, cendikiawan, pakar strategi dan tokoh usahawan yang hebat.

114. Sebagaimana kata-kata tokoh nusantara Presiden Soekarno, “Berikan aku 1,000 orang tua, akan ku cabut semuru dari akarnya. Berikan aku 10 orang pemuda, akan aku guncangkan dunia”. Demikianlah hebat dan tingginya harapan kepada golongan belia dalam menggalas tanggunjawab pada masa hadapan.

115. Selain belia, tidak dilupakan juga peranan dan sumbangan kaum wanita dalam membina negara bangsa. Kita juga merindukan tokoh-tokoh wanita seperti **Sayyidatina ‘Aisyah binti Abu Bakar** yang merupakan seorang wanita yang bijak dan mempunyai daya ingatan yang sangat baik sejak dari kecil. Beliau telah menyumbang kepada budaya ilmu yang sangat besar sehingga dicatatkan telah meriwayatkan sebanyak 2,210 hadis Rasulullah SAW setanding dengan Abu Hurairah, Ibnu Umar dan lain-lain.

116. Kita juga rindukan wanita yang berani dan kental jiwanya seperti **Nusaybah binti Ka’ab al-Ansariyah** yang telah menyertai perang Uhud

menentang tentera musyrikin Mekah. Dengan bersenjatakan pedang dan perisai, beliau telah melindungi Rasulullah SAW dari serangan musuh sehingga mengalami kecederaan yang parah. Namun setelah sedar dari pengsannya, perkara pertama yang terpacul dari mulutnya adalah pertanyaan mengenai keselamatan Rasulullah SAW.

117. Bagi rakyat di Negeri Sembilan, peranan wanita sangatlah besar dan disanjung tinggi kerana ibulah yang lebih banyak mencorakkan watak anak-anak dalam kehidupan sehari-hari umpama kata teromba, ***“Kalau keruh air di hulu, sampai ke muara keruh ju. Kalau kurik induknya, rintiklah anaknya”***.

118. Bagi menyanjungi peri pentingnya peranan belia dan wanita ini, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan **RM4.91 juta** bagi membiayai 5 inisiatif seperti berikut:

### **INISIATIF KE-35: Geran Aktiviti Belia dan Beliawanis**

119. Sebagaimana yang telah saya umumkan tadi, setiap MPKK akan diberikan geran aktiviti sebanyak RM5 ribu bagi tahun 2021. Selain dari peruntukan tersebut, sukacita saya umumkan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memberikan tambahan **RM3 ribu** lagi kepada setiap MPKK, khusus untuk membiayai program dan aktiviti belia di setiap MPKK dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1.3 juta**. Ini akan menjadikan jumlah keseluruhan geran aktiviti bagi setiap MPKK adalah sebanyak **RM8 ribu** yang melibatkan jumlah keseluruhannya **RM3.46 juta**. Adalah diharapkan,

persatuan-persatuan belia akan lebih aktif dalam menganjurkan aktiviti dan program yang dapat membina sahsiah diri.

#### **INISIATIF KE-36: TABAH (Tabung Belia Harapan)**

120. **Pusat Pembangunan Belia Harapan** atau **TABAH** adalah berperanan untuk membangun dan melahirkan pelapis kepimpinan dari kalangan belia. TABAH akan memainkan peranan penting dalam menghubungkan belia dengan Kerajaan menerusi pelbagai program kemasyarakatan yang dianjurkan.

121. TABAH akan memainkan peranan yang berkesan dalam membantu MPKK merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti belia menerusi geran yang telah saya umumkan tadi. Bagi memperluaskan lagi jaringan kerjasama dengan semua kepimpinan belia di peringkat akar umbi, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan sebanyak **RM0.5 juta** kepada TABAH pada tahun 2021.

#### **INISIATIF KE-37: Bantuan Ibu Tunggal (C4U: CARE FOR U)**

122. **Bantuan Ibu Tunggal** atau *Care For U (C4U)* dalam bentuk tunai sebanyak **RM200** ini telah memberi manfaat kepada lebih kurang **5,000 orang ibu tunggal** sejak ianya diperkenalkanda tahun 2019. Inisiatif ini akan diteruskan di tahun 2021 dengan jumlah peruntukan yang sama iaitu **RM1 juta**.

### **INISIATIF KE-38: Power House Wanita Gemilang (PH GEM)**

123. Selain dari bantuan tunai kepada ibu tunggal, kaum wanita juga terus diperkasa dengan pelbagai bentuk latihan kemahiran dan bimbingan melalui program **Power House Wanita Gemilang (PH-Gem)**. Sebanyak **180 program** latihan kemahiran seperti “*Retort*”, Pengurusan Stress, Minda Positif, Usahawan IR 4.0, Terapis *Mobile* dan lain-lain telah dilaksanakan pada tahun 2020 yang melibatkan seramai **27,416 orang peserta**.

124. Melihat kepada sambutan yang diterima, inisiatif PH-Gem akan diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan **peruntukan tambahan sebanyak RM0.1 juta** lagi menjadikannya **RM1.6 juta** pada tahun 2021.

### **INISIATIF KE-39: i-SURI**

125. Inisiatif yang berikutnya adalah kesinambungan dari program murni yang telah diilhamkan oleh mantan Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat iaitu Dato’ Seri Dr Wan Azizah binti Ismail pada 15 Ogos 2018 yang lalu yang dikenali sebagai ***i-Suri***.

126. Program bersifat jangka panjang ini adalah bertujuan untuk menjaga kebajikan para suri rumah yang tidak bekerja supaya mempunyai tabungan yang mencukupi pada hari tua. Setiap RM5 yang dicarum bagi seorang suri rumah, Kerajaan Pusat akan mencarum pula sebanyak RM40 sebulan ke dalam akaun KWSP. Pada tahun 2020, seramai **8,358 orang suri rumah** di Negeri Sembilan yang berdaftar dengan e-Kasih telah

menerima manfaat ini dan akan diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **RM0.51 juta**.

## **BIDANG TUMPUAN KEENAM: KEROHANIAN DAN AGAMA**

127. Memetik pandangan Prof. Dato' Dr Siddiq Fadhil, "Islam harus difahami dan dihayati kembali sebagai cara hidup dan sebagai agama yang menghidupkan, kehidupan yang Islami adalah kehidupan yang berkualiti (...*hayatan toyyibah*), bukan kehidupan yang penuh derita (...*ma'iшatan danka*). Dalam kaitan inilah pentingnya peranan agamawan mempastikan kerelevan Islam sebagai kekuatan yang mampu memberikan bimbingan menuju matlamat kejayaan dunia-ukhrawi (*hasanatan fi 'd-dunya wa hasanatan fi 'l-akhirah*), memberikan landasan moral, memberikan motivasi kerohanian, membina optimisme, membangun harapan, menyuntik semangat dan daya juang dalam kehidupan".

### **INISIATIF KE-40: Pembangunan Sumber Daya Insan**

128. Sebagai usaha yang berterusan melahirkan masyarakat madani, program pembangunan sumber daya insan akan terus disemarakkan di bawah inisiatif ini. Tarbiyah rabbaniyah quraniyah akan disebar luaskan lagi bagi melahirkan lebih ramai muhsinin. Untuk itu, peruntukan **RM0.5 juta** disediakan bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan sumber daya insan.

### **INISIATIF KE-41: Tambahan Elaun Guru Takmir**

129. Sebagai menghargai sumbangan guru-guru takmir dalam mendidik masyarakat, Kerajaan Negeri berpendapat sewajarnyalah elaun guru-guru takmir ini dinaikkan sebanyak RM50 sebulan dengan implikasi kewangan berjumlah **RM0.18 juta** melibatkan seramai **300 orang guru takmir**.

### **INISIATIF KE-42: Imbuhan Bilal, Siak dan Pembantu Am Wanita**

130. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan turut mengumumkan kenaikan bayaran imbuhan kepada bilal, siak dan pembantu am wanita dengan tambahan bantuan bulanan yang diterima antara RM150 hingga RM300 sebulan. Sehingga Oktober 2020, sebanyak **RM1.95 juta** telah pun disalurkan kepada **897 penerima manfaat**. Sukacita dimaklumkan inisiatif ini juga akan dikekalkan dengan jumlah peruntukan yang sama pada tahun 2021 iaitu **RM2.84 juta**.

### **INISIATIF KE-43: Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)**

131. Berpegang teguh kepada prinsip Perlembagaan Persekutuan yang menghormati prinsip kebebasan beragama dan mengamalkan agama masing-masing, Kerajaan Negeri telah menujuhkan **Akaun Amanah Hal Ehwal Bukan Islam** sejak tahun 2019 yang lalu dengan geran permulaan sebanyak RM1.5 juta. Inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun 2021 dengan peruntukan **RM1.8 juta**.

## **INISIATIF KE-44: Mesin Krematorium**

132. Sepertimana yang terkandung di dalam Manifesto atau Tawaran Pakatan Harapan Negeri Sembilan, Kerajaan komited untuk membantu menyelesaikan permasalahan perkuburan orang bukan Islam termasuklah kemudahan pembakaran mayat atau krematorium. Kerajaan Negeri rasa kecewa dengan kegagalan penyiapan projek pusat pembakaran mayat di **Sua Betong, Port Dickson** yang telah terbengkalai sejak tahun 2016 lagi.
133. Setelah melakukan perundingan bersama pihak yang berkenaan, sukacita saya umumkan Kerajaan Negeri bersetuju meluluskan peruntukan sebanyak **RM1 juta** bagi membeli sebuah mesin pembakaran mayat sekali gus membolehkan pusat krematorium tersebut mula beroperasi selewat-lewatnya pada tahun 2022.
134. Dengan adanya kemudahan ini, kos pembakaran mayat akan lebih rendah sekurang-kurangnya 50 peratus berbanding caj yang dikenakan oleh pihak swasta. Kemudahan ini bukan sahaja terhad kepada agama Hindu tetapi terbuka juga kepada agama-agama lain.
135. Secara keseluruhannya, jumlah peruntukan yang disediakan di bawah Bidang Tumpuan Keenam: Agama dan Kerohanian ini adalah berjumlah **RM6.32 juta** tidak termasuk lain-lain peruntukan di bawah vot Pembangunan.

## BIDANG TUMPUAN KETUJUH: INSTITUSI ADAT

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

136. Bak kata perbidalan, “*Raja memerintah alam, Undang Memerintah Luak, Lembaga memerintah suku, Buapak memerintah anak buahnya. Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah, syarak mengata, adat memakai, apabila berdiri syarak, maka gugurlah adat*”.

137. Kerajaan Pakatan Harapan amat menjunjung tinggi peradaban Adat Perpatih, yang menjadi tiang seri kepada kedaulatan negeri tercinta ini. Pengamatan dan penghayatan yang mendalam terhadap Adat Perpatih ini, pastinya boleh dijadikan pedoman hidup dalam semua aspek kehidupan. Nasihatnya halus, marahnya berkias. “*Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah. Kata Adat banyak kiasan, ditunjuk dia tetapi bukan. Bergulung pendek, panjang direntang. Tak faham kalau tak direnungkan*”.

138. Justeru itu, Kerajaan komited untuk terus memperkasakan Adat Perpatih di negeri ini supaya terus subur di segenap lapisan masyarakat terutamanya di kalangan generasi muda, *supaya tak lekang dek panas, tak lapuk dek hujan. Kalau terapung tidak hanyut, terbenam tidak basah*. Sehubungan itu, sukacita saya mengumumkan tiga inisiatif di bawah Bidang Tumpuan Ke Tujuh ini dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM2.6 juta** seperti berikut:

### **INISIATIF KE-45: Geran Aktiviti**

139. Semasa Belanjawan 2020 yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan geran aktiviti sebanyak RM0.5 juta kepada Lembaga Muzium Negeri Sembilan bagi menganjurkan pelbagai aktiviti adat seperti Istiadat Penghulu Mengadap, Istiadat Kerjan Dato' Lembaga, Seminar Keilmuan Adat Perpathih dan Olek Luak yang telah disertai oleh seramai **5,040 peserta**. Aktiviti ini turut diperluaskan ke sekolah-sekolah agar anak-anak kenal dan menjunjung tinggi pusaka adat seawal usia muda. Inisiatif ini akan diteruskan lagi pada tahun hadapan dengan peruntukan yang sama berjumlah **RM0.5 juta**.

### **INISIATIF KE-46: Honorarium Penyediaan Data Suku Tanah Adat**

140. Selain keunikan Adat Perpathih dalam urusan kehidupan, Negeri Sembilan turut unik dalam pengurusan tanah adatnya yang disandarkan atas suku-suku yang tertentu seperti kata perbidalan, **Lembaga berlingkungan, Buapak beranak buah. Anak buah duduk bersuku-suku**. Secara definisinya, tanah adat di Negeri Sembilan merujuk kepada mana-mana geran tanah di bawah hak milik Pejabat Tanah yang dicop perkataan “**Tanah Adat atau Customary Land**” di dalam suratan hak milik dan Buku Daftar Hak Milik tanah tersebut. Dahulunya, pemilikan tanah adat ini akan didaftarkan atas nama suku masing-masing di kalangan suku nan dua belas. Malangnya, selepas penggunaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), nama suku pada geran tanah adat tidak lagi dipaparkan menyebabkan peranan dan kuasa Dato’ Lembaga semakin tidak kelihatan.

141. Justeru itu, Kerajaan Negeri akan menubuhkan *task-force* di setiap daerah bagi memasukkan kembali nama suku adat nan dua belas ke dalam geran tanah adat ini. Bayaran honorarium akan diberikan kepada kakitangan yang terlibat di dalam *task-force* ini dengan peruntukan sebanyak **RM0.1 juta** bagi mengemaskini sebanyak **23,108 hakmilik**.

#### **INISIATIF KE-47: Bangunan Warisan / Rumah Warisan**

142. Keunikan Adat Perpatih bukan sekadar tertumpu kepada struktur sosial masyarakat tetapi turut dipaparkan melalui keunikan seni bina bangunannya yang sangat unik dan penuh dengan makna yang tersirat. Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan adalah sistem yang bernasabkan kepada ibu yang mempunyai hubungan rapat dengan rekabentuk bangunannya. Rekabentuk bumbung panjang yang lentik di kedua-dua hujungnya telah menjadi identiti unik senibina di Negeri Sembilan. Malangnya, kebanyakan rumah-rumah tradisional ini telah terbiar usang kerana anak dan waris telah berhijrah ke bandar.

143. Menurut kajian yang dijalankan oleh pasukan penyelidik dari Politeknik Port Dickson, terdapat lebih kurang **135 buah rumah tradisional** dan **25 buah masjid lama** yang telah terbiar dan akan musnah sekiranya tidak dipulihara. Bangunan dan rumah warisan ini mempunyai nilainya yang tersendiri dan berupaya menjadi satu lagi produk pelancongan yang unik di Negeri Sembilan.

144. Bagi mempastikan warisan dan khazanah berharga negeri ini kekal selamanya, Kerajaan dengan ini memperkenalkan satu lagi inisiatif baharu

iaitu **Pemuliharaan Rumah dan Bangunan Warisan Negeri** pada tahun 2021 dengan geran peruntukan berjumlah **RM2 juta**.

145. Menerusi geran ini, pemohon yang layak akan menerima geran **RM100 ribu** bagi membaik pulih dan memulihara rumah mereka untuk dijadikan sebagai Rumah Warisan Negeri yang boleh dilawati oleh pelancong.

## **BIDANG TUMPUAN KELAPAN: PENTADBIRAN**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

146. Dalam usaha merangsang dan memacu pertumbuhan ekonomi, Kerajaan memerlukan jentera pelaksanaan yang cekap dalam urus tadbir.

147. Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan pada bulan Mac 2020 yang lalu, ternyata menguji tahap ketersediaan Kerajaan dalam meneruskan urusan pentadbiran secara atas talian. Penggunaan aplikasi digital dalam urusan perkhidmatan awam di negeri ini masih belum menyeluruh.

148. Sebagai contoh, sebahagian urusan pembayaran dan transaksi masih memerlukan kehadiran pelanggan secara fizikal ke kaunter-kaunter Kerajaan walaupun dalam tempoh kawalan pergerakan. Ini pastinya menyukarkan bukan sahaja kepada masyarakat tetapi juga kepada penjawat awam.

149. Sehubungan itu, saya bertekad untuk melakukan transformasi perkhidmatan awam mulai tahun 2021 di bawah Bidang Tumpuan Kelapan ini dengan memperkasakan *digital governance*. Di bawah bidang tumpuan ini, sebanyak **RM4.4 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2021 dan akan diteruskan untuk tempoh **5 tahun** yang akan datang.

#### **INISIATIF KE-48: NS CLOUD**

150. Inisiatif yang seterusnya adalah pelaksanaan *NS Cloud* bagi keseluruhan sistem dan aplikasi Kerajaan yang ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Ianya akan menggunakan kaedah pelayan secara maya atau *Virtual Server* yang bertujuan untuk mengoptimumkan ruang dan penggunaan server sekali gus meningkatkan kecekapan capaian.

151. Keseluruhan inisiatif ini akan menelan kos sebanyak **RM5 juta** untuk tempoh selama 5 tahun. Sebagai permulaan, sebanyak **RM1.5 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2021.

#### **INISIATIF KE-49: SPTB PLUS**

152. Sistem Pengurusan Tanah Berkomputer (SPTB) telah dibangunkan sejak tahun 2002 oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Ianya kini telah pun ketinggalan atau *obsolete* sama ada dari segi perkakasannya mahupun sistem. Sistem SPTB sedia ada tidak lagi mampu menampung pertambahan data hak milik yang telah bertambah berkali ganda. Ianya juga tidak mampu menyediakan transaksi secara atas

talian atau *online*. Ini menyebabkan semua urusniaga tanah terpaksa dilakukan secara manual di kaunter-kaunter Pentadbiran Tanah Daerah.

153. Bagi mengatasi kelemahan ini, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan satu lagi inisiatif baharu iaitu **SPTB Plus** yang akan dilaksanakan secara berfasa mulai tahun 2021 sehingga 2025. Inisiatif SPTB Plus ini akan mewujudkan satu sistem pentadbiran tanah secara *web-based* yang lebih komprehensif dan mesra pengguna. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan melibatkan kos sebanyak **RM19 juta** sehingga tahun 2025. Sebagai permulaan, **RM1 juta** akan diperuntukkan pada tahun 2021 bagi menambah baik Sistem Kutipan Hasil Tanah (SIHAT) sedia ada yang telah digunakan sejak tahun 2007.

#### **INISIATIF KE-50: e-SELAMAT**

154. Semasa mesyuarat Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Se Malaysia pada 13 Julai 2020 yang lalu, Negeri Sembilan telah dilaporkan negeri yang tertinggi berlakunya transaksi palsu dalam urusniaga pindah milik tanah. Siasatan ke atas kes pemalsuan sukar dilakukan disebabkan oleh kaunter pendaftaran tidak dapat mengambil maklumat biometrik semua pelanggan yang berurusan di Pentadbiran Tanah Negeri Sembilan.

155. Pembangunan e-Selamat akan membolehkan pengesanan biometric, sekaligus menghalang berlakunya penyaksian palsu. Inisiatif ini tidak memerlukan kos yang tinggi iaitu hanya **RM0.1 juta** dan akan dilaksanakan pemakaianya pada bulan Januari 2021.

### **INISIATIF KE-51: e-Wallet**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

156. Urusan harian secara atas talian telah menjadi norma baharu kehidupan tanpa perlu menggunakan wang tunai dalam setiap urusniaga. Maka itu, Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan **inisiatif e-Wallet** secara kolaborasi dengan institusi perbankan dan swasta tanpa kos.

### **INISIATIF KE-52: Perluasan e-Doket**

157. Inisiatif e-Doket ini yang mula dilaksanakan pada tahun 2019 ternyata berjaya meningkatkan kutipan royalti bahan batuan dari **RM28.49 juta** pada tahun 2018 kepada **RM32.6 juta** pada tahun 2019. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan **RM0.69 juta** lagi pada tahun hadapan.

### **INISIATIF KE-53: Kaunter Bergerak Berpusat**

158. Di sebalik kesungguhan memperluaskan pelaksanaan *digital governance*, Kerajaan tetap prihatin dengan keupayaan kelompok masyarakat yang masih terbatas penguasaan teknologi maklumatnya, terutama golongan warga emas.

159. Jurang digital yang masih luas di antara kawasan bandar dan luar bandar, turut menyukarkan urusan pembayaran secara atas talian dilakukan oleh penduduk di kawasan yang terpencil di daerah Jempol, Gemas dan Tampin. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri bersetuju

memperuntukkan **RM1.12 juta** untuk melaksanakan inisiatif **Kaunter Bergerak Berpusat**. Sebanyak 6 buah van yang dilengkapi dengan sistem kutipan hasil berpusat akan disediakan bagi kegunaan Pejabat Tanah dan Daerah Jelebu, Jempol, Kuala Pilah, Tampin, Rembau dan Gemas.

160. Selain menambah baik urus tadbir Kerajaan, tidak dilupakan adalah kebajikan lebih kurang 3,500 orang kakitangan awam negeri yang sentiasa komited dalam menggalas tanggung jawab masing-masing. Semasa Belanjawan Tahun 2020, Kerajaan telah mengumumkan skim pinjaman kenderaan dan komputer secara kosong peratus faedah. Kemudahan ini ternyata memberikan manfaat yang cukup besar kepada penjawat awam sekali gus mengurangkan komitmen kewangan bulanan masing-masing.

161. Sehingga 15 November, sebanyak **107 pinjaman** pembelian komputer telah pun diluluskan dengan jumlah pinjaman sebanyak RM0.47 juta, manakala pinjaman kenderaan yang telah diluluskan pula adalah sebanyak **RM2.55 juta** melibatkan **99 permohonan**. Kemudahan pinjaman kosong peratus faedah ini bukan sahaja menguntungkan kakitangan awam, tapi turut memberi manfaat kepada kedai-kedai menjual komputer dan kenderaan di Negeri Sembilan.

162. Sehubungan itu, inisiatif pinjaman kosong peratus faedah ini akan diteruskan lagi pada tahun 2021 dengan menaikkan siling Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan dan Akaun Amanah Pinjaman Komputer kepada **RM5 juta** dan **RM1 juta** masing-masing.

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

## **ANGGARAN BELANJAWAN PEMBANGUNAN 2021**

163. Seiring dengan tema Belanjawan kali ini iaitu "**Merangsang Ekonomi, Memperkasa Rakyat**", Kerajaan komited untuk menggandakan peruntukan Belanjawan pembangunan bagi tahun 2021. Kelembapan ekonomi akibat pandemik COVID-19 memerlukan intervensi Kerajaan bagi merangsang kembali rantaian ekonomi secara menyeluruh.

164. Sehubungan itu, sukacita saya mencadangkan **Anggaran Belanjawan Pembangunan Tahun 2021** adalah sebanyak **RM153.0** juta iaitu kenaikan **RM51.8** juta atau **51.19 peratus berbanding tahun 2020**. Jumlah ini adalah peruntukan pembangunan yang **terbesar** yang belum pernah dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan.

165. Pecahan dan perincian bagi peruntukan pembangunan tahun 2021 mengikut sektor adalah seperti berikut:

- i. **Pembangunan Sosial: RM46.18** juta atau 30.18 peratus;
- ii. **Kemudahan Infrastruktur: RM30.65** juta atau 20.03 peratus;
- iii. **Pentadbiran: RM30.28** juta atau 19.79 peratus;
- iv. **Pertanian: RM19.91** juta atau 13.01 peratus;
- v. **Kerohanian: RM13.72** juta atau 8.97 peratus; dan
- vi. **Pelancongan: RM12.26** juta atau 8.01 peratus.

## **Pembangunan Sosial**

166. Sektor Sosial kekal sebagai sektor terbesar yang menerima peruntukan pembangunan iaitu **RM46.18 juta** atau bersamaan **30.18 peratus**. Jumlah ini jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan peruntukan pada tahun 2020 iaitu RM41.24 juta. Kenaikan sebanyak **11.98 peratus** ini, jelas membuktikan Kerajaan komited untuk memperkasa taraf hidup rakyat yang terkesan khususnya akibat pandemik COVID-19.

167. Sebanyak **RM30 juta** akan diperuntukkan di bawah vot **P50 Pejabat Menteri Besar** bagi membiayai pelbagai program, aktiviti dan keperluan rakyat. Jumlah ini adalah jumlah terbesar yang diperuntukkan dalam sejarah Belanjawan Negeri Sembilan. Di bawah vot ini, agihan akan dibuat kepada pejabat-pejabat daerah dan penyelaras DUN bagi membiayai program *touch point* dan lain-lain bantuan yang diperlukan oleh rakyat.

168. Selain daripada itu, sebanyak **RM5.78 juta** diperuntukkan di bawah vot P60 untuk membiayai projek pembangunan dan penyelenggaraan Rumah Awam Harga Rendah (RAHR) dan Program Perumahan Rakyat di seluruh Negeri Sembilan. Kerajaan juga akan membaikpulih balairaya dan dewan komuniti supaya boleh dimanfaatkan oleh orang ramai dengan peruntukan sebanyak **RM2.55 juta**. Program pencahayaan jalan-jalan negeri akan diteruskan pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak **RM2 juta**.

## **Kemudahan Infrastruktur**

169. Sektor infrastruktur akan menerima peruntukan kedua tertinggi dengan jumlah **RM30.65 juta** iaitu kenaikan sebanyak **46.86 peratus** berbanding tahun 2020. Peruntukan yang besar ini meliputi kajian pembinaan 4 buah jalan baharu, pemberkatan selekoh-selekoh merbahaya, menaik taraf jalan, membina jambatan baharu, program tebatan banjir dan menaiktaraf infrastruktur kawasan industri.

170. Sebagai usaha membuka lebih banyak pertumbuhan ekonomi baharu di kawasan luar bandar, Kerajaan telah mengenal pasti **4 jajaran jalan** baharu di Seremban, Port Dickson dan Rembau sepanjang **10.7 km** dengan anggaran kos **sebanyak RM65.4 juta**. Pembinaan jalan-jalan ini pastinya akan memberikan keselesaan kepada pengguna dengan jarak dan masa perjalanan yang lebih singkat sekali gus menggalakkan pertumbuhan ekonomi desa. Sebagai permulaan, sebanyak **RM1.36 juta** akan diperuntukkan pada tahun hadapan bagi kerja-kerja awalan sebelum dimulakan pembinaan pada tahun 2022.

171. Sebanyak **RM2.46 juta** pula diperuntukkan untuk menaiktaraf persimpangan dan selekoh merbahaya, demi mempastikan keselamatan pengguna jalan raya terjamin dan mengurangkan risiko kemalangan. Untuk rekod, jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2019 telah meningkat sebanyak **84 kes** berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak **39,415 kes**.

172. Sebanyak **RM4 juta** turut diperuntukkan untuk penggantian jambatan baharu di Seksyen 0.1 Sungai Batang Jerlang, Jalan Warisan

Puteri yang merupakan jalan alternatif dari Jelebu ke Seremban. Projek ini akan melibatkan pelebaran jambatan bagi mempastikan keselamatan pengguna jalan raya lebih terjamin dan dijangka siap pada tahun 2021.

173. Selain daripada itu, Kerajaan amat prihatin dengan masalah yang dihadapi selama ini oleh ribuan pengguna jalan pintas dari kampung **Batang Benar ke kawasan perindustrian Nilai** yang terpaksa melalui sebuah jambatan yang sempit dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan pada satu-satu masa. Ini pastinya amat menyukarkan dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang teruk terutamanya pada waktu puncak di sebelah pagi dan petang. Oleh yang demikian, sukacita saya umumkan, sebuah jambatan baharu akan dibina di laluan berkenaan dengan anggaran kos sebanyak **RM4.75 juta** bermula pada tahun hadapan. Projek ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2023.

174. Selain dari naiktaraf jalan dan bina baharu, Kerajaan turut memberikan perhatian terhadap kejadian banjir yang berlaku di beberapa daerah baharu-baharu ini.

175. Kejadian banjir kilat yang melanda beberapa kawasan khususnya di Seremban pada **4 November** yang lalu, adalah antara yang terburuk pernah berlaku dengan purata kedalaman banjir di antara **0.1 hingga 1.3 meter**. Jumlah hujan yang sangat lebat untuk tempoh selama 4 jam telah mengakibatkan paras air Sungai Linggi melepas paras bahaya dengan bacaan tertinggi sedalam **36.94 meter**. Kedalaman yang melepas paras bahaya ini menyebabkan aliran masuk ke Sungai Linggi terhalang sehingga berlakunya limpahan air dan kejadian banjir.

176. Kerajaan Negeri amat bersimpati dengan kerugian dan kerosakan harta benda yang terpaksa ditanggung oleh lebih kurang **1,600 buah keluarga**. Sebagai bantuan awal, Kerajaan Negeri telah memberikan sumbangan tunai sebanyak **RM500** kepada setiap keluarga selain dari bantuan kelengkapan dan keperluan asas dengan keseluruhannya melibatkan peruntukan kecemasan hampir **RM1 juta**.

177. Bagi mengurangkan risiko banjir di kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti, Kerajaan akan memperuntukkan sebanyak **RM7.4 juta** bagi kerja-kerja pengurusan banjir dan pengurusan lembangan sungai seluruh Negeri Sembilan. Jumlah ini adalah kenaikan **22.31 peratus** berbanding peruntukan tahun 2020. Selain daripada itu, sebanyak **RM3 juta** telah diperuntukkan untuk program Pengurusan Saliran Mesra Alam dan **RM0.2 juta** bagi program kesedaran awam.

178. Kerajaan turut memberikan perhatian kepada kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan-kawasan perindustrian. Selain daripada peruntukan MARRIS, Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan sebanyak **RM3 juta** di bawah vot P61 untuk kerja-kerja menyelenggara, naik taraf dan baik pulih kemudahan infrastruktur di kawasan perindustrian. Jumlah ini meningkat sebanyak RM0.9 juta berbanding **RM2.1 juta** pada tahun 2020.

**Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,**

### **Pentadbiran**

179. Sektor Pentadbiran akan menerima peruntukan pembangunan sebanyak **RM30.28 juta** atau 19.79 peratus dari keseluruhan Belanjawan Pembangunan tahun 2021. Peruntukan pembangunan yang tinggi ini adalah bertujuan untuk memperkuatkkan lagi mutu perkhidmatan awam khususnya ke arah pemerksaan *digital governance*.

180. Selain dari pengukuhan infrastruktur teknologi maklumat, tumpuan turut diberikan kepada kerja-kerja pengubahsuaian dan menaik taraf kompleks pentadbiran Kerajaan di seluruh Negeri Sembilan bagi mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan mesra pelanggan. Bagi maksud tersebut, sebanyak **RM8.05 juta** akan diperuntukkan.

### **Pertanian**

181. Berdasarkan kepada Data Sosio-Ekonomi Negeri Sembilan Tahun 2019, sektor pertanian merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada KDNK Negeri Sembilan iaitu sebanyak **7.4 peratus**.

182. Sektor Pertanian akan terus menjadi teras utama memacu pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar khususnya di Negeri Sembilan Timur. Negeri Sembilan bersedia untuk dikenali sebagai **Dapur Lembah Klang**, yang akan membekalkan pelbagai produk pertanian untuk keperluan penduduk di Lembah Klang.

183. Secara keseluruhannya, Kerajaan mencadangkan peruntukan sebanyak **RM19.91 juta** atau 13.01 peratus kepada sektor pertanian berbanding RM13.29 juta pada tahun 2020 iaitu kenaikan sebanyak **RM6.62 juta atau 49.81 peratus**. Pelbagai program pembangunan pertanian telah dirancang seperti Mekanisasi dan Automasi Pertanian (RM1.0 juta), Pembangunan Industri Asas Tani (RM1.5 juta), Paket Peningkatan Hasil Pertanian (RM5.9 juta) dan Pengembangan Teknologi Pertanian (RM1.9 juta).

184. Sektor penternakan pula akan menerima peruntukan sebanyak **RM5.41 juta** bagi membiayai pelbagai program pembangunan dan peningkatan hasil ternakan seperti Program Peningkatan Pengeluaran Ternakan sebanyak RM2.57 juta dan Pengukuhan Perkhidmatan Genetik Ternakan sebanyak RM0.52 juta. Sebuah bilik sejuk beku yang baharu juga akan dibina di Seremban dengan anggaran kos sebanyak **RM0.2 juta**. Pembinaan bilik sejuk beku yang baharu ini akan membantu penternak-penternak, menyimpan stok pengeluaran daging segar yang kekal berkualiti sebelum dipasarkan terutamanya semasa musim perayaan.

### **Kerohanian**

#### **Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

185. Allah SWT telah berfirman dalam **Surah As-Saff ayat ke 10 dan 11**, “*Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah kamu Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan*

*RasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dengan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu mengetahuī”.*

186. Kerajaan akan terus memperkasakan agama Islam di negeri ini dengan menambah baik dan memperbanyakkan lagi kemudahan beribadah di masjid-masjid, surau dan sekolah-sekolah agama negeri dengan peruntukan keseluruhan berjumlah **RM13.72 juta**.

187. Antara projek besar yang akan dilaksanakan adalah kerja-kerja menaik taraf Sekolah Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Maahad Ahmadi yang dijangka siap dalam tempoh 3 tahun. Kos keseluruhan projek ini dianggarkan sebanyak **RM13.1 juta**. Untuk itu, **RM1.56 juta** akan diperuntukkan untuk kerja-kerja awalan tahun 2021.

188. Sebagai mana yang telah dinyatakan dalam ucapan Belanjawan Tahun 2020, sebanyak 4 buah masjid baharu akan dibina dengan siling peruntukan berjumlah **RM31 juta**. Kerja-kerja pembinaan dijangka akan bermula pada tahun hadapan dan akan siap dalam tempoh 2 tahun. Untuk itu, peruntukan sebanyak **RM3.80 juta** akan disediakan pada tahun 2021 bagi bayaran kerja-kerja awalan.

### **Pelancongan**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

189. Sesungguhnya pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang sangat ketara kepada sektor pelancongan. Berdasarkan statistik yang

dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dan Tourism Malaysia, jumlah pelancong domestik dan antarabangsa yang datang ke Negeri Sembilan sehingga Jun 2020 adalah seramai **0.42 juta** orang berbanding **1.17 juta** orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2019.

190. Justeru itu, Kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak **RM12.26 juta** kepada sektor pelancongan yang meliputi pembangunan produk baharu (RM4.5 juta), naik taraf produk (RM4.14 juta), promosi (RM2.1 juta), eko pelancongan (RM 0.72 juta) dan lain-lain (RM0.8 juta).

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

191. Butiran lanjut dan perincian peruntukan pembangunan tahun 2021 bagi setiap vot adalah seperti yang dinyatakan di dalam **Kertas Dewan Bilangan 4 Tahun 2020.**

**BANTUAN KHAS KEWANGAN**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

192. Dikesempatan ini, izinkan saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan penjawat awam negeri yang telah melaksanakan tangungjawab dengan cemerlangnya sepanjang tahun 2020.

193. Walaupun berhadapan dengan tempoh yang sukar, operasi pentadbiran Kerajaan tetap berjalan lancar. Projek pembangunan dan

kebijakan rakyat tetap dilaksanakan dengan penuh tanggung jawab dan berintegriti.

194. Saya rasa amat berbangga dengan beberapa pencapaian cemerlang di peringkat kebangsaan yang berjaya diraih tahun ini seperti anugerah **Bandar Paling Bahagia Tahun 2020** oleh Majlis Bandaraya Seremban dan tempat kedua **Majlis Daerah Paling Mampan** oleh Majlis Daerah Kuala Pilah. Tahniah diucapkan! Kejayaan ini seharusnya menjadi inspirasi kepada lain-lain jabatan supaya terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat.

195. Untuk makluman Dato' Yang Di Pertua, pada ketika ini terdapat seramai **5,379 orang** penjawat awam negeri, berkanun dan pihak berkuasa tempatan. Daripada jumlah tersebut, seramai **4,930 orang** atau **91.65 peratus** adalah terdiri dari kumpulan sokongan yang mempunyai purata gaji di **bawah RM4,210 sebulan** iaitu dikategorikan sebagai kumpulan B40.

196. Kerajaan mengambil maklum akan penyusutan hasil negeri tahun 2020 berbanding prestasi cemerlang tahun 2019. Namun, bak kata perbidalan, “**Duduk seorang bersempit-sempit, duduk bersama berlapang-lapang, dalam air kita berenang, cetek air kita bercebok**”.

197. Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada penjawat awam yang sentiasa mencurahkan khidmat bakti tanpa berbelah bahagi kepada Kerajaan dan rakyat, sukacita saya mengumumkan **Bantuan Khas Kewangan (BKK)** sebanyak **setengah bulan gaji** atau **minimum seribu**

**ringgit** kepada semua penjawat awam yang berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Bantuan khas ini akan dibayar selewat-lewatnya pada minggu kedua Januari tahun 2021.

198. Diharapkan Bantuan Khas ini akan memberikan dorongan dan galakan kepada penjawat awam di samping membantu merangsangkan aktiviti ekonomi tempatan.

199. Sebelum saya mengakhiri pembentangan ini, marilah sama-sama kita berdoa, semoga Allah SWT sentiasa membimbing hati kita untuk menjadi hambaNya yang taat kepada setiap suruhanNya dan meninggalkan setiap laranganNya. Pohonlah supaya kita dikurniakan sekeping hati yang sentiasa mengasihi anak-anak yatim, mencintai fakir miskin dan lunak berkasih sayang sesama insan. Semoga dengan itu, Allah SWT memandang setiap amalan kita dengan penuh kasih sayang atas sifat Rahman dan RahimNya, maka diberikan keampunan atas segala dosa yang kita lakukan. Janganlah dosa-dosa kita menjadi asbab tertolaknya doa dan diuji dengan pelbagai bentuk musibah dan bencana.

200. Semoga Belanjawan 2021 diterima oleh Allah SWT sebagai bukti pengabdian kepada-Nya dan dikurniakan Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri yang aman makmur dan mendapat keampunan Allah SWT juga.

201. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang Perbekalan 2021 dibacakan untuk kali kedua.

Sekian, terima kasih.